

Publication : Kosmo
Date : 10 June 2016
Section : Niaga
Page : 52
Headline : Projek D'ecolake jana perolehan Hua Yang

Projek D'ecolake jana perolehan Hua Yang

KUALA LUMPUR – Hua Yang Bhd. (Hua Yang) baru-baru ini telah menerima Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi projek kediaman D'ecolake di Bandar Universiti Seri Iskandar (BUSI), Perak.

Terletak bersebelahan sebuah tasik semula jadi, taman perumahan terkawal tersebut menawarkan sebanyak 32 unit rumah berkembar dua tingkat yang dikenali sebagai Irdora dan 25 unit banglo dua tingkat (Kamelia).

Timbalan Pengurus Besarnya, Tony Ng berkata, pihaknya percaya projek yang terletak di lokasi yang strategik dan sambungan jalan raya berstruktur itu mampu menjana sumbangan positif kepada hasil kumpulan.

“Kami telah lama beroperasi di Perak dan melihat potensi pembangunan kukuh di negeri ini sejak beberapa tahun lalu.

“Projek Hua Yang di wilayah utara telah mendapat manfaat dari-

pada pertumbuhan keseluruhan di Perak dan kami yakin kediaman D'ecolake juga tidak terkecuali,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

BUSI yang terletak di lokasi strategik antara Ipoh dan Seri Manjung, Perak merupakan sebuah bandar universiti bersepadu seluas 7.77 hektar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM1.1 bilion.

Ia adalah projek bandar bersepadu pertama Hua Yang yang mula dibangunkan pada tahun 1991 dan kini mempunyai 42,000 penduduk.

BUSI kini menjadi antara bandar yang paling pantas berkembang di Perak.

Menurut Ng, bersama D'ecolake yang mempunyai anggaran GDV sebanyak RM31 juta, projek-projek kumpulan di wilayah utara terus menyumbang sebanyak 21 peratus kepada perolehan syarikat.



PROJEK kediaman D'ecolake terdiri daripada rumah berkembar dan banglo dua tingkat yang terletak bersebelahan dengan sebuah tasik semula jadi.